

04 APR 1997

Nik Aziz-Mahathir

PAS TERIMA KENYATAAN TERBUKA MAHATHIR

KOTA BAHARU, 4 April (Bernama) -- Kerajaan Negeri Kelantan pimpinan Pas hari ini menyifatkan kenyataan terbuka Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Kerajaan Pusat bersedia mengadakan kerjasama dengan pemimpin Pas di negeri ini sebagai satu "pandangan sihat seorang Negarawan".

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata Pas menyambut baik suasana mesra yang ditunjukkan itu dan parti pembangkang itu juga telah lama mengamalkan kesederhanaan selain cuba mengikis sikap fanatik di kalangan penyokongnya.

"Orang Melayu kini menghadapi zaman peralihan politik...kita memang perlukan pembangkang tetapi janganlah sampai kita berperang," katanya kepada pemberita di sini selepas mengiringi Dr Mahathir dalam lawatan kerja sehari ke Kelantan, di sini.

Beliau berkata Pas sendiri yang memulakan langkah bekerjasama dengan kerajaan pusat apabila menjemput KUB Malaysia Berhad mengadakan kerjasama dalam projek Petro Kimia di negeri itu.

Kerjasama itu menjadi kenyataan apabila KUB dan Keloil, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, hari ini menandatangani perjanjian projek itu di Pantai Senok, Bachok dengan disaksikan oleh Dr Mahathir dan Nik Aziz dalam suasana harmoni.

Dr Mahathir ketika menghadiri majlis itu berkata Umno dan Pas masih menjadi musuh politik tetapi tidak bermakna ia tidak boleh bekerjasama khususnya dalam membangunkan ekonomi Kelantan.

Nik Aziz juga mengakui hubungan antara kedua-dua pihak terutama Pas dan Umno boleh dirapatkan lagi pada masa depan dan buat permulaan, ia dibuat melalui kerjasama dalam bidang ekonomi.

Beliau juga berkata kebanyakan penyokong Pas mula menyedari kehendak pemimpin parti itu apabila tidak lagi menunjukkan sikap fanatik seperti suatu masa dahulu.

"Kita lihat (pada majlis menandatangani projek petro kimia) tadi lebih ramai orang Pas yang terdiri orang bawahan hadir dan mereka tidak nampak fanatik, malahan mereka juga sanggup bersama untuk menyambut Perdana Menteri di lapangan terbang pagi tadi," katanya.

Mengenai percanggahan pendapat antara Pas dan Umno dalam sesuatu perkara, Nik Aziz berkata ia boleh diterima asalkan tidak melampau.

-- BERNAMA

RAR NAK